

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN NOR AZRINA BT. SURIP (MERBOK)

SOALAN

PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dalam usaha memerangi dadah habis-habisan apakah Kerajaan berhasrat untuk mewujudkan makmal di setiap institusi AADK agar usaha-usaha mengenal pasti jenis dadah Orang Kena Tangkap (OKT) dapat disegerakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berikutan berlakunya peningkatan jumlah ujian pengesanan dadah melalui sampel urin yang perlu dilaksanakan, KDN dan KKM bekerjasama untuk mencari jalan penyelesaian bagi memastikan ujian dapat dilaksanakan secepat mungkin. Pihak KKM juga telah memaklumkan bahawa tindakan bagi menambah peralatan di Jabatan Patologi sedang diambil untuk melaksanakan jumlah ujian yang semakin meningkat tersebut. Selain itu, perbincangan juga sentiasa diadakan untuk menambahbaik proses kerja di antara kedua-dua pihak bagi mengurangkan masa yang diperlukan untuk menyelesaikan laporan ujian.

Proses pengujian sampel urin bagi tujuan pengesanan dadah dilaksanakan melalui jalinan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan dilaksanakan oleh Jabatan Patologi. Secara amnya, tempoh pengesanan dadah dalam urin oleh Jabatan Patologi adalah bergantung kepada jenis dadah yang diuji.